



DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
PERMOHONAN JENAYAH NO. 44-18- TAHUN 2001

360

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan
dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5
(3) dan 149, Perlembagaan
Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta
Keselamatan Dalam Negeri, 1960 (Akta
82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1)
Kanun Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON

DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN


PERAKUAN SEGERA

361

Saya, Sivarasa Rasiah seorang peguambela dan peguamcara yang Sedang beramal dengan Tetuan Daim & Gamany, Tingkat 9, Wisma Yakin, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur dan yang mewakili Pemohon Memperakui bahawa Notis Usul yang difailkan oleh Pemohon adalah perlu disegerakan perbicaraannya atas alasan berikut :-

1. Permohonan Pemohon adalah untuk satu perintah Habeas Corpus bahawa penangkapan dan penahan Pemohon dibawah Seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah tidak sah dan melanggar Perlembagaan Persekutuan.
2. Pemohon terus menerus ditahan di satu tempat yang tidak diketahui dan akan sehinggalah Mahkamah Yang Mulia ini membebaskan beliau.

Bertarikh pada 12 April 2001



.....
Sivarasa Rasiah
Peguambela dan Peguamcara

Perakuan Segera ini difailkan oleh Tetuan Daim & Gamany, peguamcara untuk Responden-Responden yang tersebut di atas yang mana alamat penyampaiannya adalah di Tingkat 9, Wisma Yakin, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur.

Tel No. 26984932; Faks : 26984853

Ruj Kami : SR/L.7140/2001)